

Headline **Hadiah istimewa Ramadan**  
Date **30 Aug 2009**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
ADValue **2,266**

Language **Malay**  
Page No **N14**  
Article Size **412 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
PRValue **6,798**



# Hadiah istimewa Ramadan

Penghuni HIV/Aids Islam di gereja akhirnya dipindahkan

## MUKADIMAH

Pendedahan *Sinar Harian* berhubung sekumpulan pesakit HIV/Aids beragama Islam yang berlindung hidup di sebuah gereja di Selangor mengundang pelbagai reaksi dan tindakan. Ada yang terkejut dan tidak kurang juga yang melahirkan rasa simpati serta mendesak sesuatu dilakukan untuk membantu saudara seagama itu.

Ternyata niat dan usaha murni membawa keluar mereka dari gereja terbabit dipermudahkan dengan kerjasama prihatin pelbagai pihak. Ikuti rentetan pengalaman Wartawan, **KHAIRUL AZIZI ALAM** bersama Muhammad Abdullah dari Yayasan Al-Ijabah menjayakan usaha perpindahan tersebut dengan sokongan pelbagai agensi.

**TANGGAL** 13 Julai lalu, pengalaman melawat mengunjungi sebuah gereja di Selangor bagi melawat dan melihat sendiri keadaan saudara Islam yang menghidap HIV/Aids serta kurang bernasib baik meneruskan hidup dengan mendapat perlindungan di situ adalah satu pengalaman sukar dilupakan.

Pengalaman unik, syahdu dan penuh keinsafan itu kami terjemahkan kepada laporan akhbar untuk tatapan pembaca seluruh negara. Reaksi laporan tersebut cukup drastik! Ramai yang terkejut dan tidak kurang yang sedih dengan coretan pengalaman saudara Islam mendapat pembelaan dan meneruskan ikhtiar hidup dengan ihsan pusat kebajikan bukan dari agama sendiri. Malah, ada yang menghubungi kami, meluahkan pandangan dalam perbagai versi, ada bersulamkan suara sebak tangisan dan ada yang melenting melampiasakan rasa marah terhadap apa yang berlaku.

Bagi kami yang melihat, bersalaman, dan berbual bersama mereka (pesakit), apa yang dirasai sukar digambarkan dengan kata-kata. Jauh di sudut hati, terdetik harapan supaya akan ada sinar buat saudara seislam ini di kemudian hari.

Alhamdulillah, jika niat itu baik dan ikhlas, usaha untuk membawa keluar mereka dipermudahkan Allah SWT. Sokongan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Majlis Aids Malaysia, Hospital KPJ Selangor terhadap usaha ini sememangnya sangat dihargai.

Usaha gigih Muhammad Abdullah (Yayasan Al-Ijabah), Haliza Abd Halim (Rumah Baitul Fiqah) dan beberapa

individu lain membawa kepada tertubuhnya rumah jagaan Darul Ukhwah Yayasan Al-Ijabah atas kapasiti tanggungjawab yang wajib dilakukan umat Islam.

Pada 30 Julai, sebahagian penghuni yang sudah berada bersama Darul Ukhwah iaitu rumah jagaan yang ditubuhkan khusus untuk saudara Islam berpenyakit bahaya HIV/Aids mula berpindah ke rumah baru yang lebih selesa di Petaling Jaya. Mais sekali lagi menyumbang peranan dengan menyediakan barang keperluan rumah tersebut seperti tilam, mesin basuh dan sebagainya. Begitu juga usaha bahagian Riqab Mais yang sudi membuat taklimat pengendalian HIV/Aids bersama Darul Ukhwah, Yayasan Budi dan Penawar.

Pada 18 Ogos, sebahagian penghuni Islam yang masih berada di gereja itu dipindahkan dan ditempatkan di Yayasan Budi. Difahamkan, dua hari menjelang Ramadan, hanya dua orang sahaja pesakit Muslim yang masih tinggal gereja berkenaan. Mereka bukannya tidak mahu berpindah tetapi mengambil sikap tunggu dan lihat. Kata mereka, jika penjagaan dan persekitaran baik, barulah mereka sedia berhijrah ke 'rumah baru' itu.

Bagi kami, lebih banyak NGO Islam yang menawarkan tempat kepada golongan ini adalah lebih baik. Bukan tidak ada, tetapi semuanya semuanya berbayar.

Bagaimana seorang pesakit HIV/Aids yang sudah tidak larat berjalan, disisih keluarga, dan tiada simpanan mampu

**Headline** Hadiah istimewa Ramadan  
**Date** 30 Aug 2009  
**MediaTitle** Sinar Harian  
**Section** Nasional  
**Journalist** N/A  
**Frequency** Daily  
**ADValue** 2,266

**Language** Malay  
**Page No** N14  
**Article Size** 412 cm<sup>2</sup>  
**Color** Full Color  
**PRValue** 6,798

membayar yuran bulanan yang tinggi?  
 Golongan seperti inilah yang harus dibantu  
 tanpa mengharapkan pulangan wang  
 ringgit, cukuplah dengan janji pahala  
 daripada Allah SWT.



● Keratan akhbar Sinar Harian pada 16 Julai lalu.



● Sebahagian daripada pesakit dan kakitangan pusat jagaan diraikan dalam satu majlis baru-baru ini. (Gambar disiar dengan kebenaran pusat jagaan)